

**Hubungan Usahawan Melayu, Teraju Perlu Diperkukuh - Shafie Apdal**  
**Bernama**  
**26 Ogos 2011**

PETALING JAYA, 26 Ogos (Bernama) -- Hubungan konstruktif usahawan Melayu dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) perlu diperkukuh bagi memastikan kejayaan golongan itu, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata ia memberi peluang kepada usahawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berteraskan ekonomi Melayu mengemukakan input membina.

"Selain itu, usahawan Melayu perlu mempunyai set minda yang betul bagi memastikan mereka berjaya dalam dunia perniagaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Berbuka Puasa NGO Ekonomi Melayu.

Turut hadir Presiden Majlis Perundingan Ekonomi Melayu Tan Sri Rozali Ismail dan lebih 200 anggota 150 NGO ekonomi Melayu dari seluruh negara.

Mohd Shafie berkata kerajaan telah mengenal pasti beberapa sektor yang perlu diberi tumpuan seperti pembinaan dan petroleum, yang menyaksikan penyertaan usahawan Melayu kurang memuaskan.

Beliau berkata penting bagi usahawan dan NGO ekonomi Melayu yang mempunyai kepakaran dalam sektor seumpama itu, memberikan input membina kepada Teraju bagi menggalakkan penyertaan usahawan berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610707>